

Polis dalam dua zaman, sebelum dan selepas pembentukan Malaysia : Penglibatan Sarjan (B) Jeffri Mohd Asri

ABSTRAK

Tugas mempertahankan kedaulatan negara bukanlah mudah. Menyedari akan hakikat itu, usaha menjejaki pejuang yang berbakti kepada negara perlu diusahakan untuk menghormati dan menghargai perjuangan mereka bagi tatapan generasi masa hadapan. Pengalaman bersama pasukan polis pada dua zaman yang berbeza, iaitu penjajahan British dan kemerdekaan Sabah dalam Malaysia merupakan suatu keistimewaan bagi seorang veteran polis bernama Sarjan (B) Jeffri Mohd Asi. Beliau telah menerima pelbagai pingat kerana jasa bakti yang tidak ternilai kepada pasukan keselamatan, negeri Sabah dan negara Malaysia amnya. Dalam penelitian kertas kerja ini, kaedah yang digunakan ialah kajian kepustakaan, kajian arkib dan temu bual terpilih dalam kalangan veteran polis. Tuntasnya, kertas kerja ini akan mengimbau pengalaman dan menjelaskan penglibatan beliau dalam peristiwa penting pada sebelum dan selepas pembentukan Malaysia.